

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MES	SECTION:	LATEST NEWS
PUBLICATION:	BACALAHMALAYSIA.COM	PAGE NO.:	1 OF 2
DATE:	TUESDAY, 11 JULY 2017	FREQUENCY:	ONLINE
CIRCULATION:	ONLINE		
HEADLINE:	INI MASA TERBAIK PELBAGAIKAN PRODUK- TPM		

BacalahMalaysia
tanpa prejudis

[Home](#) [Nasional](#) [Politik](#) [Hiburan](#) [Dunia](#) [Sukan](#) [Bisnes](#) [Agama](#) [Parlimen](#) [Editorial](#) [CI](#)

HOME / BERITA TERKINI / INI MASA TERBAIK PELBAGAIKAN PRODUK – TPM

Ini Masa Terbaik Pelbagaikan Produk – TPM

11 HOURS AGO



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyatakan keyakinan penggiat industri minyak dan gas masih berpeluang meneroka industri berdaya tahan dalam keadaan ekonomi mencabar.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keadaan ketika ini adalah waktu terbaik untuk penggiat industri mempelbagaikan produk atau menawarkan perkhidmatan berkaitan, selain menambah segmen pasaran termasuk meneroka bidang hiliran baharu.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, jika 2016 adalah tahun sukar membuat keputusan dalam industri minyak dan gas, tahun ini berupaya membuka jalan untuk pemulihan.

"Berlaku peralihan pemikiran dalam kalangan penggiat minyak dan gas yang bersandar kepada projek kitaran yang lebih singkat untuk mengurangkan risiko.

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	<u>UBM MES</u>		
PUBLICATION:	<u>BACALAH MALAYSIA</u>	SECTION:	<u>LATEST NEWS</u>
DATE:	<u>TUESDAY, 11 JULY 2017</u>	PAGE NO.:	<u>2 OF 2</u>
CIRCULATION:	<u>ONLINE</u>	FREQUENCY:	<u>ONLINE</u>
HEADLINE:	<u>INI MASA TERBAIK PELBAGAIKAN PRODUK- TPM</u>		

"Banyak syarikat mengambil peluang membaik pulih dan menaik taraf kemudahan, kemahiran dan kepakaran sepanjang tempoh ini dalam usaha memperkukuhkan kedudukan syarikat apabila industri ini kembali pulih.

"Kita sudah melihat dan akan terus lihat ketidaktentuan dalam industri ini apabila syarikat lemah dan tidak bersedia meninggalkan industri.

"Ada banyak peluang yang boleh diterokai oleh penggiat minyak dan gas tempatan serta serantau dalam pasaran semasa yang turun naik," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Pameran Kejuruteraan Minyak, Gas dan Petrokimia Asia Ke-16 (OGA 2017) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, hari ini.

Hadir sama Penasihat PETRONAS, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Malaysian Exhibition Services Sdn Bhd, Tan Sri Asmat Kamaludin.

Pameran tiga hari bermula hari ini yang membabitkan penyertaan lebih 2,000 syarikat minyak dan gas daripada 60 negara.

Pameran itu turut menarik 11 pavilion antarabangsa dari Australia, China, Perancis, Jerman, Amerika Utara, Norway, Scotland, Singapura, Korea Selatan, Belanda dan United Kingdom.

OGA 2017 yang akan menonjolkan teknologi, peralatan, mesin terkini industri kejuruteraan minyak, gas dan petrokimia dijangka menarik minat 23,000 pengunjung.

Timbalan Perdana Menteri berkata, OGA 2017 berperanan penting dalam merangsang peluang kepada penggiat industri. Menyifatkan Malaysia sebuah negara stabil berikutan makin banyak penggiat industri minyak dan gas multinasional menubuhkan pangkalan serantau di negara ini,

Ahmad Zahid berkata, kerajaan juga memulakan usaha untuk mengukuhkan perdagangan dua hala Malaysia-Qatar yang sebelum ini terjejas dengan kejatuhan harga bahan api itu.

Timbalan Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara Wenmax Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh T7 Global Berhad dan Honeywell International Sdn Bhd. – BHONLINE

Gambar oleh Jay Why